

# KEJAPAN HASIL PADI TAK SAMA

**BENAR KAH berlaku ketidakeimbangan pendapatan hasil pengeluaran padi antara dua pihak di negara ini.**

Dalam perusahaan agrikultur, masalah itu timbul dan diaku sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam perusahaan getah, pengeluaran estet-estet besar yang meliputi hanya satu pertiga keluasan boleh menandingi pengeluaran hasil dua pertiga estet kepunyaan pekebun-pekebun kecil.

Dalam perusahaan padi sahar kita ketahui kerana perusahaan itu kebanyakannya dimiliki oleh satu bangsa iaitu kaum (ani) Melayu.

Bagaimanapun, di Sekinchan, Selangor, perkara itu wujud walaupun kaum tani tradisi mewakili hampir 90 peratus dari jumlah petani-petani lain.

Wong Kew Chai, 32, seorang petani sejak kecil lagi mengakui bahawa sekeping tanah sawah atau 27 hektar dapat memberikan pendapatan 23,000 semesim. Padi yang dapat dituai pula berjumlah antara 70 hingga 80 gunt.

Ini berbanding dengan Puan Sabariah Shaari, 60, yang mempunyai keluasan tanah yang sama tetapi hanya dapat mengutip hasil 2,000 semesim dan padinya pula kira-kira tak sampai 60 gunt.

## Pengeluaran petani2 Melayu berkurangan dibandingkan dengan bukan Melayu

Oleh MIOR KAMARUL SHAHD

yang dapat dihasilkan. Kedua-dua mereka menerima bantuan baja yang sama dari kerajaan. Jika Wong menerima 12 kantung baja campuran dan 6 kantung baja urea, Puan Sabariah juga mendapat faedah yang tidak sedikit pun bezanya.

### Mesin kecil

Tetapi Wong terpaksa mengeluarkan sedikit wang sakunya untuk membeli empat kantung baja hijau sebagai tambahan baja yang ada sedangkan Puan Sabariah tidak.

Enik Yap Kong Pua, 38 tahun, mempunyai keluasan sawah yang sama. Bekerja dari pagi sampai malam terutama ketika musim menuai.

Ketika buah padi bercambah, Enik Yap bertungkus lumus me-

ngawal padi dari serangan serangga alat-alat penyembur.

Enik Jaafar Ahmad, 32 tahun, hanya menggunakan mesin kecil untuk membajak sawahnya sedangkan Enik Yap menggunakan mesin yang lebih besar dan bertenaq untuk menjalankan kerja-kerja tersebut.

Enik Yap menggunakan cara menanam padi secara terus sedangkan kawan-kawan Enik Jaafar masih menggunakan cara semalan.

Begitulah sedikit sebanyak perbandingan yang dapat dinyatakan untuk membezakan perbandingan sawah yang sama. Bekerja dari pagi sampai malam terutama ketika musim menuai.

Contoh-contoh itu juga boleh dikaitkan mewakili setiap mereka yang terlibat



ENIK WONG KEW CHAI



ENIK NAINI WAGIMAN



ENIK YAP KONG PUA

dalam perusahaan di kawasan Jelapang Padi itu.

Menurut perangkaan, kawasan Sekinchan yang terletak di bawah seorang penghulu meliputi 16 kawasan termasuk 12 diduduki oleh orang-orang Melayu atau lebih dikenali sebagai petani Melayu.

Kawasan itu ialah Kampung Tali Air 12, Parti 12, Parti 11, Kampung Batu 23 Sungai Nibong, Parti 10, Parti 9, Kampung Pasir Panjang, Tali Air 8, Tali Air 1, Parti 1 dan Sungai Leman Timur, Gambut.

Tiga kawasan lain ialah di Sekinchan A, B dan C.

Penghulu Sekinchan, Enik Naini bin Wagiman tidak menolak dakwaan bahawa pendapatan petani Melayu adalah kurang dari rakan mereka.

Menurutnya, cara penanaman dan cara

semaian boleh dikatakan melewati waktu dari kawasan sehabat mereka.

Ini boleh kita perhatikan sendiri, kerana sekiranya kita melawat kawasan itu sekarang, sawah padi kepunyaan Melayu baru hendak masak sedangkan kawasan Sekinchan A, B dan C kini sudah mula dibiarkan dan akan ditaman semula tidak lama lagi. Ia dianggarkan terlewat sekurang-sekurangnya 30 peritngkan.

### Berkongsi

Dari segi pemuafakatan di kalangan petani pula, kita dapat petni-petani baru ini mempunyai satu keistimewaan tersendiri yang mereka banggakan.

Dengan berkongsi beberapa orang mereka mampu membeli kenderaan besar untuk mengusahakan tanah sawah mereka.

Ini bermakna mereka tidak perlu menyewa dan kenderaan itu boleh digunakan pada bila-bila masa diperlukan.

Kenderaan ini seperti traktor yang mereka beli secara berkongsi mampu menyayapkan kerja bagi empat hingga lima keping sawah sehari sedang petani-petani Melayu yang menggunakan mesin kecil tidak mampu berbuat demikian.

Setengahnya pula terpaksa menyewa untuk menjalankan kerja-kerja tersebut dan sewanya terpaksa pula dibayar.

Hasil padi bagi petani baru itu pula mereka jual melalui Syarikat Kerjasama yang ditubuhkan oleh mereka sendiri. Petani petani Melayu menjualnya kepada Lembaga Padi dan Bursa Negara (LPN) yang juga mempunyai kilang memprosesnya di kawasan itu.

Menurut Enik Wong dan Yap, mereka tidak menjual padi mereka kepada LPN kerana mereka dikenakan potongan 10 kati bagi setiap sepikul. Kadang-kadang potongan itu hingga 25 hingga 35 kati bagi sepikul.

### Tradisi

Sekurang-kurangnya terdapat lima kilang pengisar padi kepunyaan petani-petani baru di kawasan kira-kira beratus-ratus hektar itu berbanding dengan beribu-ribu hektar kepunyaan petani tradisi.

Selain dari mempunyai traktor secara berkongsi, petani-petani baru juga memiliki kenderaan tersebut secara berseorangan.

Tidak hairanlah kalau pendapatan mereka lebih dari pendapatan orang Melayu.

Kalau dikaji dari segi kemampuan, mereka layak menerima ganjaran yang lebih. Walaupun kita tidak mahu menggelakan orang Melayu sebagai golongan peluk, tetapi itu adalah hakikatnya.



Enik Jaafar Ahmad membanjing padi.

## MEMANAM PADI SECARA TERUS LEBIH CEPAT DARI MENYEDAKAN TAPAK SEMAIAN TRADISI



TRAKTOR digunakan oleh orang-orang yang ingin maju dalam penanaman padi.



CARA semaian yang masih diamalkan oleh petani-petani Melayu.